



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 15 OKTOBER 2025

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
NO. SEBUT HARGA: RAC.K-B/16/25 SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN, SEMAK SAMUN, RUMPUT RAMPAI, POKOK SERTA KERJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DIATAS TANAH PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DI NEGERI KEDAH DAN PERLIS BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN	Status: Bumiputera Gred: G3 Pengkhususan: CE21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam; dan Lain-lain: MOF: 221002 – Membersih Kawasan; dan MOF: 221003 – Mengangkat Sampah <u>Nota:</u> Kebenaran khas tidak dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 22 Oktober 2025 (Rabu) – 24 Oktober 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 27 Oktober 2025 (Isnin) – 31 Oktober 2025 (Jumaat) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **22 Oktober 2025 (Rabu)**

Masa : **1:00 petang**

Tempat : **Pejabat Urusan Wilayah Utara (PUWU), RAC**

Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK, STB** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

Hanya penyebut harga yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Sebut Harga boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
3 November 2025 (Isnin)
Jam 12:00 tengah hari

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen sebut harga tidak akan diterima. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi,
27-1, Sentral RAC,
No.16 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields,
50470 Kuala Lumpur**